

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
(PASIR GUDANG)**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI
KERJA RAYA** menyatakan:

(a) bilakah projek naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang dapat disiapkan bagi kesemua fasa; dan

(b) berapakah jumlah kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan Pasir Gudang (FT17) kepada 6 lorong 2 hala dengan piawaian U5 terbahagi kepada empat (4) fasa iaitu Fasa 1, 2A, 2B dan 3 yang merangkumi jajaran sepanjang 28.2 km.

Fasa 1 : bermula dari Persimpangan Kangkar Tebrau sehingga ke Persimpangan Plentong melibatkan jajaran sepanjang 8 km dan telah siap pada 31 Mei 2016 dengan kos projek sebanyak RM150 juta.

Fasa 2A : bermula dari Persimpangan Plentong dan berakhir di Persimpangan Bandar Seri Alam / Taman Rinting melibatkan jajaran sepanjang 7.7 km juga telah siap pada 31 Oktober 2018 dengan kos projek sebanyak RM190.0 juta

Fasa 2B : bermula dari Persimpangan Bandar Seri Alam / Taman Rinting ke Pasir Gudang yang melibatkan jajaran sepanjang 5.5 km telah diluluskan pada *Rolling Plan 4 RMKe-11* (Tahun 2020) dengan kos sebanyak RM155 juta dan dijangka akan siap pada tahun 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi fasa terakhir iaitu Fasa 3 yang bermula dari Persimpangan Bertingkat Perling Hingga Ke Susur Naik Lebuhraya Utara Selatan melibatkan sepanjang 7.0 km, Kementerian ini telah mengangkat permohonan projek tersebut untuk kelulusan Agensi Pusat bagi *Rolling Plan 2 (RP2)*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Sekian, terima kasih.